

MUKA DUA

(FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)



Najib bersama Adnan dan Noh (kiri) beramah mesra bersama penerima bantuan perumahan ketika merasmikan PPR Tekek Makmur di Kampung Tekek, Pulau Tioman, semalam.

Fakta nombor

RM403,000 KOS

pembinaan seunit PPR Tekek Makmur dengan tiga bilik dan dua bilik air

RM35,000 HARGA

perlu dibayar untuk miliki rumah PPR Tekek Makmur

Subsidi 92 peratus untuk pembeli PPR Tekek Makmur

➔ Kerajaan tawar konsep sewa, beli dengan kadar RM124 sebulan

Oleh Abdul Razak Raaff
raaffar@bharian.com.my

Rompin

Kerajaan memberi subsidi kira-kira RM370,000 atau 92 peratus kepada pembeli 116 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tekek Makmur di Kampung Tekek, Pulau Tioman dekat sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Razak menjelaskan semua pembeli itu yang juga golongan berpendapatan rendah (B40) hanya perlu membayar sebanyak RM35,000 untuk memiliki rumah tiga bilik dan dua bilik air yang kos pembinaannya RM403,000.

Malah, beliau berkata, kerajaan turut bersetuju menawarkan konsep sewa dan beli kepada 63 pembeli rumah berkenaan dengan kadar RM124 sebulan selama setahun dan kemudian hanya perlu membayar baki RM33,512.

Subsidi paling banyak

"Inilah antara keistimewaan projek PPR ini dan kita boleh anggap ia mencatat sejarah tersendiri kerana walaupun kos pembinaan seunit rumah tinggi pembeli mendapat subsidi paling banyak da-

ripada kerajaan.

"Projek ini juga antara agenda sosial kerajaan kerana mahu kualiti kehidupan rakyat luar bandar yang lebih selesa," katanya selepas merasmikan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tekek Makmur di Kampung Tekek, Pulau Tioman, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Hassan Ariffin.

Projek PPR Tekek bernilai RM46.75 juta menyediakan 116 unit rumah kluster setingkat dengan tiga bilik di kawasan seluas 3,288 hektar dan mula dibina pada Julai 2012 dan siap sepenuhnya Ogos 2015, turut dilengkapi padang permainan dan kedai.

Landasan kapal terbang baharu

Sementara itu, ketika berucap pada majlis Jamuan Rakyat bersama kira-kira 1,000 penduduk pulau di Dataran Tioman, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan melaksanakan semua pembinaan landasan kapal terbang baharu di pulau yang mendapat pengiktirafan antara pulau tercantik di dunia.

Beliau berkata, pembinaan landasan kapal terbang baharu itu penting kerana dapat memaksimumkan potensi pulau pelancongan berkenaan sekali gus menarik lebih ramai pelancong kelas atasan.

"Cadangan asal projek itu di kemukakan pada 2009 tetapi ia dibatalkan. Dulu cadangan di Kampung Genting dengan separuh landasan di air dan sebahagian lagi di darat untuk kapal terbang bersaiz

seperti Boeing 737 mendarat.

"Kita akan kaji dengan teliti projek ini termasuk melantik juru-perunding... ia akan membawa perubahan radikal kepada landskap Pulau Tioman," katanya.

Perdana Menteri juga mengumumkan peruntukan RM10 juta untuk membina dan menaik taraf lima jeti iaitu di Kampung Tekek, Kampung Pava, Kampung Mukut, Kampung Salang dan Kampung Juara; peruntukan RM34 juta daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi membaik pulih bekalan air bersih di Kampung Tekek dan Kampung Air Batang.

Najib turut melancarkan laluan pejalan kaki (boardwalk) sepanjang 310 meter bernilai RM1.6 juta yang menghubungkan Kampung Tekek ke Kampung Air Batang.

Waktu Solat

www.eikhlas.com.my



TAKAFUL KENDERAAN
TAKAFUL PERILINDUNGAN PERIBADI

TAKAFUL ISI RUMAH
TAKAFUL PERJALANAN



IBADAT & FADILAT

Abdullah bin Umar RA meriwayatkan:
Nabi Muhammad SAW bersabda: "Orang yang menghafaz Al-Quran umpama seekor unta yang sedang ditambat. Sekiranya terus ditambat, ia tidak lari. Sekiranya tali penambat dilepaskan, unta itu pun lari." (HR Bukhari dan Muslim)

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	5:44	1:25	4:51	7:38	8:54
Alor Setar	5:44	1:25	4:51	7:38	8:54
P. Pinang	5:47	1:25	4:51	7:37	8:53
Ipoh	5:46	1:23	4:49	7:33	8:49
Kuala Lumpur	5:45	1:20	4:46	7:29	8:44
Shah Alam	5:45	1:20	4:46	7:29	8:44
Johor Bahru	5:40	1:11	4:37	7:17	8:32
Kuantan	5:39	1:13	4:39	7:22	8:37
Seremban	5:45	1:18	4:44	7:25	8:40
Bandar Melaka	5:45	1:18	4:43	7:24	8:39
Kota Bharu	5:42	1:18	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:35	1:14	4:39	7:25	8:41

PILIHAN TERTINGGI



- ➔ Pili lihat saat akhir isteri, anak
- ➔ MAQIS sahkan pengusaha langgar permit
- ➔ Kahwin, cerai dalam tempoh 24 jam
- ➔ Mak Intan jaga 600 anjing
- ➔ Harapkan pegar, pegar makan padri